

# Sunway REIT catat keuntungan bersih RM36.82 juta pada suku ketiga

[bernama.com/bm/ekonomi/news.php](https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php)



20/05/2021 02:32 AM

KUALA LUMPUR, 19 Mei -- Keuntungan bersih Sunway Real Estate Investment Trust (REIT) bagi suku ketiga berakhir 31 Mac, 2021 merosot kepada RM36.82 juta daripada RM65.66 juta yang direkodkan pada suku yang sama tahun lepas.

Hasil susut kepada RM104.27 juta daripada RM140.80 juta sebelumnya, kata kumpulan itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

Ia berkata penurunan hasil itu sebahagian besarnya disebabkan oleh sumbangan yang rendah daripada segmen runcit dan hotel berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0.

"Bagaimanapun, penurunan itu diimbangi sebahagiannya oleh sumbangan yang lebih tinggi daripada segmen pejabat dan perkhidmatan," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Sunway REIT Management Sdn Bhd Datuk Jeffrey Ng berkata kumpulan itu mengekalkan pendekatan berhati-hati bagi tempoh berbaki tahun ini berikutan pelaksanaan PKP 3.0 di seluruh negara dan ketidakpastian yang menyelubungi landskap operasi perniagaan pada bulan-bulan akan datang.

"Pelancaran segera vaksin secara besar-besaran amat penting bagi membendung kadar jangkitan bagi pemulihan ekonomi," katanya.